

Headline	Tiada ruang Sulu tuntutan Sabah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Mar 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	11	ArticleSize	670 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 13,242	PR Value	RM 39,726



# Tiada ruang Sulu tuntutan Sabah

Oleh **NURUL ANUAR KARI**

anuar.kari@utusan.com.my

**KESULTANAN** Sulu merupakan antara kerajaan lama yang wujud seiringan dengan kerajaan Brunei, Melaka dan banyak lagi kerajaan yang pernah wujud dalam sejarah Asia Tenggara.

Seperti kebanyakan kerajaan lama, Kesultanan Sulu mula hilang pengaruh dan kuasanya dengan kedatangan penjajah dari Barat dan akhirnya tiada lagi pemerintahan berdaulat di dalam sempadan negara Filipina moden.

Kesultanan Sulu juga kini dilihat berpecah di bawah beberapa orang waris yang menuntut takhta sedangkan kerajaan Filipina sendiri sudah tidak mengiktiraf kewujudannya.

Namun, masih ada dalam kalangan kerabat Sulu yang mahu menuntut Sabah daripada Malaysia atas alasan ia jajahan warisan mereka.

Pembahagian kuasa di antara koloni British dan Belanda serta pilihan majoriti rakyat Sabah memilih untuk menyertai Malaysia seperti dilaporkan Suruhanjaya Cobbold pada 1962 menghakis pengaruh Kesultanan Sulu.

Tuntutan Kesultanan Sulu ke atas Sabah juga menimbulkan persoalan mengapa tuntutan serupa tidak dibuat ke atas jajahan nenek moyang mereka yang kini berada di bawah sempadan Filipina dan Indonesia.

Selepas hampir 50 tahun, sejauh mana kekuatan fakta yang mampu dikemukakan Kesultanan Sulu ke peringkat antarabangsa dalam tuntutan mereka ke atas Sabah yang dahulu dikenali Borneo Utara?

Bagi penganalisis politik antarabangsa (Asia Tenggara) Universiti Utara Malaysia, Ahmad Zaki Hassan, bukan sahaja Filipina telah menarik tuntutan ke atas Sabah malah dokumen perjanjian lama menunjukkan Sabah hak Malaysia walaupun ada bayaran yang ditetapkan.

“Jika tuntutan ini dibawa ke mahkamah antarabangsa sekalipun tidak akan memihak kepada Kesultanan Sulu, ini amat jelas.

“Mereka mempunyai banyak dokumen sejarah tetapi mahkamah mahukan dokumen semasa dan melihat aspek siapa yang banyak mentadbir Sabah kini,” katanya.

Jelasnya, Malaysia telah lama mengurus dan membangunkan Sabah tanpa sebarang kaitan dengan Kesultanan Sulu dan fakta ini penting di peringkat antarabangsa.

Beliau berpendapat pihak Kesultanan Sulu juga mengetahui fakta ini tetapi disebabkan

Malaysia menghampiri pilihan raya umum (PRU) maka digunakan kesempatan ini untuk berunding kembali perjanjian lama itu.

“Mereka sudah tidak dapat melakukan apa-apa lagi (tuntut Sabah) melalui kerajaan Filipina. Oleh itu, mereka cuba berunding secara terus dengan Malaysia pula.

“Masalahnya, pemerintahan Kesultanan Sulu sudah tamat dan sekarang tinggal waris-waris yang menuntut takhta sahaja. Bagaimana mahu ditentukan pihak yang sah memerintah,” soal beliau.

Tambahnya, taktik yang digunakan di Sabah kini juga seperti apa yang berlaku dalam Perang Vietnam di mana Amerika Syarikat (AS) dipaksa berundur oleh rakyatnya sendiri.

“Perang Vietnam contoh hampir tepat.

Apa yang Kesultanan Sulu perjuangkan kini tidak mengharapkan kemenangan fizikal tetapi kemenangan politik dengan membuatkan rakyat Malaysia sendiri menentang dan meneken kerajaan.

“Bagaimanapun, saya jangka Malaysia tiada masalah dalam aspek perhubungan antarabangsa termasuk dengan Filipina atas persefahaman ASEAN dan tidak akan ada campur tangan dalam urusan negara kita,” ujarnya.

Pakar sejarah, Profesor Datuk Dr. Ramlah Adam juga menegaskan Kesultanan Sulu sudah tiada hak ke atas Sabah atas beberapa faktor terutama sekali kerana kerajaan Sulu sudah tidak wujud sejak 1917.

“Kerajaan Sulu bermula pada tahun 1457 dan tamat pemerintahannya selepas 460 tahun akibat kalah dalam peperangan dengan Sepanyol. Tiada kerajaan, tiadalah tuntutan.

“Tambah pula, sejarah menunjukkan sultan-sultannya yang terdahulu telah pecahkan sendiri jajahan mereka dan kini jajahan itu terletak dalam sempadan Malaysia, Filipina dan Indonesia,” jelas pakar sejarah itu.

Menurut beliau, Sabah sebelum ini di bawah Kesultanan Melayu lama Brunei yang kemudiannya hanya memberi bahu-tangan timur Sabah kepada kerajaan Sulu atas bantuan mereka menentang pemberontak.

Tambahnya, Brunei menyerahkan Sabah kepada British ketika zaman penjajahan dan ketika British mahu merdekakan Borneo Utara dan Sarawak, majoriti rakyat ketika itu telah

Headline	Tiada ruang Sulu tuntutan Sabah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Mar 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	11	ArticleSize	670 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 13,242	PR Value	RM 39,726

memilih menyertai Malaysia pada 1963.

“Semuanya telah berlaku dan tercatat dalam sejarah tetapi bukan justifikasi untuk mencabar kerajaan moden sekarang dan mereka perlu hormati Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat.

“Bila penaklukan berlaku ke atas mereka, kalah dan tidak dapat dihidupkan kembali, mereka tidak boleh menuntut hanya berdasarkan sejarah. Jika tidak, semua kawasan pun boleh dituntut jajahannya mengikut sejarah,” tegasnya.

Beliau menegaskan tuntutan ke atas Sabah tidak sama seperti isu Palestin-Israel walaupun dari segi sejarahnya kerajaan Rom yang menjatuhkan dan memecah orang Yahudi di sana.

“Dunia kini tidak boleh gunakan cara seperti Yahudi kembali ke tanah sejarah

mereka dengan bantuan British dan AS. Mengikut sejarah di Filipina sendiri, mereka (Kesultanan Sulu) suka serah jajahan sendiri dan akhirnya bertukar-tukar tangan.

“Isunya kini, Kesultanan Sulu sudah tiada, Sabah bukan lagi Borneo Utara dan kini merdeka di bawah sebuah negara berdaulat. Jika ikut logik, mereka kena juga tuntutan jajahan di bawah Filipina dan Indonesia,” ujamnya.

Dalam pada itu, Ramlah turut mengaitkan perkembangan tuntutan di Sabah dengan tambahan pampasan ekoran kemakmuran yang dinikmati rakyat negeri itu di samping apa yang berlaku di sebalik tabir dengan penyertaan anasir atau elemen dalam.

Beliau memetik detik sejarah penubuhan Malaysia dahulu yang ditentang Filipina dan Indonesia di sebelah luar sementara

Pas, Parti Rakyat Malaya dan Parti Komunis Malaya menentang dari dalam negara.

“Ketika itu, kumpulan ini mendapat kerjasama dan bantuan kewangan dari Indonesia untuk burukkan keadaan,” dakwanya.

Tambahnya, pihak tertentu menggunakan isu terbabit untuk pengaruhi rakyat apabila negara huru-hara adalah strategi biasa kerana seperti dalam sejarah, mesti ada sokongan orang dalam.

Beliau juga berpendapat mungkin wujud anasir subversif di Sabah mahupun dalam Malaysia yang melibatkan isu tuntutan Kesultanan Sulu ke atas Sabah.

“Apa pun, sekarang kita bercakap tentang keselamatan dan kedaulatan negara. Orang politik tuduh orang politik, itu perkara lain tetapi dalam kalangan rakyat perlu ada kemahuan untuk negara terus kekal amah,” tegas Ramlah.



**Kesultanan Sulu sudah tiada hak ke atas Sabah atas beberapa faktor terutama sekali kerana kerajaan Sulu sudah tidak wujud sejak 1917. Kerajaan Sulu bermula pada tahun 1457 dan tamat pemerintahannya selepas 460 tahun akibat kalah dalam peperangan dengan Sepanyol. Tiada kerajaan, tiadalah tuntutan.**

**PENYOKONG** Sultan Jamalul Kiram III menunjuk perasaan di luar Masjid Biru di Taguig City, timur Manila, Filipina pada 1 Mac lalu. Raja Muda Kiram, adik Sultan Kiram bersama kira-kira lebih 200 tentera yang setia menduduki sebuah kampung di Lahad Datu, Sabah sejak 9 Februari untuk menuntut Sabah sebagai wilayah mereka berdasarkan dokumen 1800. - AP